



25 MAR, 2023

JKDM Miri patah cubaan edar ganja guna kurier

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

JKDM Miri patah cubaan edar ganja guna kurier

Ganja seberat 3,266 gram dan bernilai RM20,787 dirampas, tiga lelaki warga tempatan diberkas

Oleh Mohd Aliff Idzwan Abdullah

MIRI: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak Stesen Miri berjaya mematahkan cubaan pengedaran dadah jenis ganja dijangkakan seberat 3,266 gram dan bernilai RM20,787 di sini pada 12 Mac lalu.

Pengarah Kastam Negeri Sarawak Dr Ahmad Taufik Sulaiman berkata, rampasan dibuat hasil daripada tangkapan tiga lelaki warga tempatan di sebuah syarikat kurier di Jalan Miri Bypass di sini kira-kira jam 12.55 tengah hari.

“Tangkapan pertama iaitu satu bungkusan yang diikrar sebagai ‘Pet Food’ yang mana setelah semakan dibuat oleh pihak kastam ia didapati telah dikirim dari Pulau Pinang dan telah dituntut oleh seorang lelaki warga tempatan.

“Tangkapan kedua melibatkan dua lelaki warga tempatan yang juga didapati telah menuntut satu bungkusan yang diikrar sebagai ‘Letters & Papers’ yang telah dikirim dari Kelantan,” katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Ahmad Taufik menjelaskan hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh anggota kastam mendapati bungkusan yang diikrar sebagai makanan haiwan tersebut disyaki mengandungi tumbuhan kering mampat yang dibalut dengan plastik lutsinar disyaki ganja dengan anggaran berat 132 gram.

“Manakala pemeriksaan seterusnya ke atas satu bungkusan lagi turut menjumpai

tiga ketulan tumbuhan kering mampat yang dibalut dengan plastik lutsinar disyaki ganja dengan anggaran berat 3,117 gram.

“Pemeriksaan susulan ke atas sebuah beg sandang milik salah seorang daripada individu turut menjumpai 11 pekuk plastik lutsinar yang mengandungi tumbuhan kering yang disyaki ganja dengan anggaran berat 16.74 gram.

“Ujian awal ke atas barang kes dipercayai tumbuhan kering mampat tersebut mendapati ia positif dadah jenis kanabis atau ganja,” ujarnya.

Sementara itu, beliau memberitahu ujian sarigan awal air kencing yang dilakukan ke atas ketiga-tiga suspek didapati positif dadah jenis ganja.

Ahmad Taufik berkata, modus operandi sindiket ini adalah ganja diperolehi menggunakan perkhidmatan kurier dan pengirim didapati membuat pengikraran palsu pada Pengikraran Kastam (Customs Declaration).

Dalam pada itu, Ahmad Taufik berkata bagi kes pertama ia disiasat di bawah Seksyen 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mana jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara seumur hidup atau tidak kurang daripada lima tahun dan rotan tidak kurang daripada 10 kali sebatan.

“Bagi kes kedua, ia disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu mengedar dadah berbahaya yang memperuntukkan hu-

kuman mati atau penjara seumur hidup.

“Manakala bagi kes ketiga, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya,” jelas beliau.

JKDM turut menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi talian bebas tol kastam 1-800-88-8855 atau pejabat kastam yang terdekat di semua negeri.

Pihak JKDM juga memberi jaminan identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

“Ujian awal ke atas barang kes dipercayai tumbuhan kering mampat tersebut mendapati ia positif dadah jenis kanabis atau ganja.”

Dr Ahmad Taufik Sulaiman
Pengarah Kastam Negeri Sarawak



25 MAR, 2023

JKDM Miri patah cubaan edar ganja guna kurier

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



SUMMARIES

Ganja seberat 3,266 gram dan bernilai RM20,787 dirampas, tiga lelaki warga tempatan diberkas

MIRI: J a b a t a n Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak Stesen Miri berjaya mematahkan cubaan pengedaran dadah jenis ganja dianggarkan seberat 3,266 gram dan bernilai RM20,787 di sini pada 12 Mac lalu.